

Semua Pengarah Bahagian;

(38)dlm.PPS.

10/4/2 Jld. 3

Semua Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri;

23 September 1998

Semua Jurutera Projek.

Tuan,

**Penggunaan Bahan/Barangan Import
Dalam Projek JPS**

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan sedia maklum, dasar dan peraturan perolehan Kerajaan yang melibatkan barangan yang diimport serta penggunaan bahan-bahan binaan buatan tempatan telah dijelaskan melalui Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/1995 dan Bil. 4/1996. Walau bagaimanapun, adalah didapati bahawa terdapat projek-projek JPS yang sedang berjalan yang masih menggunakan bahan-bahan yang diimport, terutamanya 'geotextile' walaupun terdapat bahan buatan tempatan yang mempunyai standard yang setaraf serta memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.

3. Selaras dengan dasar Kerajaan, dengan ini adalah dimaklumkan bahawa penggunaan bahan-bahan binaan yang diimport adalah dilarang kecuali bahan yang mempunyai fungsi khas dan yang melibatkan kepakaran atau yang tidak terdapat bahan buatan tempatan yang setaraf dengannya.

4. Sehubungan dengan itu, tuan adalah diarah mengambil tindakan berikut dengan segera:

4.1 Bagi Semua Kontrak Yang Sedang Berjalan

Pegawai Penguasa hendaklah mengenalpasti bahan-bahan yang terlibat dan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- i) Sekiranya bahan belum dipesan atau belum dihantar ke tapak, Arahan P.P. hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor untuk menukar kepada bahan buatan tempatan yang setaraf serta memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, dengan syarat penukaran ini tidak melibatkan penambahan kos, kelewatan projek atau tuntutan oleh Kontraktor.

- ii) Sekiranya bahan sudah dipesan atau sudah dihantar ke tapak, tiada apa-apa tindakan diperlukan.
- iii) Sebarang perbezaan harga akibat pertukaran ini hendaklah diselaraskan dan penjimatan hendaklah dipotong dari harga kontrak.

4.2 **Bagi Projek Yang Belum/Akan Ditender**

Pegawai yang menyediakan dokumen tender hendaklah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- i) Memasukkan peruntukan seperti di Lampiran A di dalam '**Arahan Kepada Pentender**'.
- ii) Mempastikan bahan yang ditentukan dalam Spesifikasi/Senarai Kuantiti seboleh-bolehnya adalah bahan yang boleh didapati di dalam Negeri dan selaras dengan Standard Malaysia (MS) yang diterbitkan oleh Jabatan Standard Malaysia.

5. Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

Saya yang menurut perintah,

(IR. HJ. KEIZRUL BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

s.k.: - Timbalan Ketua Pengarah I
- Timbalan Ketua Pengarah II
- Semua Juruukur Bahan

Materials of Malaysia Origin

Materials of Malaysian origin and/or locally manufactured materials shall be used where applicable in the Works by the Tenderer to the exclusion of imported materials and he shall allow for this special requirement in his tender. In no circumstance will the Tenderer be permitted to use imported materials unless the S.O. is satisfied that certain of the materials specified are either unavailable locally or are available but of sub-standard specification.